

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan strategik lima tahun akan datang dalam meningkatkan eksport minyak dan produk sawit ke negara Pakistan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara perancangan Kementerian dalam meningkatkan eksport minyak dan produk sawit ke negara Pakistan adalah:

- i. Meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam sektor makanan dan bukan makanan di Pakistan.**

Penggunaan minyak sawit di Pakistan kebanyakan adalah dalam industri perhotelan, restoran dan juga pembuatan vanaspati. Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sedang menggiatkan usaha untuk meluaskan penggunaan secara terus minyak sawit sebagai pengganti vanaspati dalam masakan serta penggunaan minyak sawit olein sebagai minyak untuk menggoreng. Bagi sektor bukan makanan, penekanan akan diberikan kepada penggunaan stearin sawit dalam pembuatan sabun, bahan pencuci dan juga asid lemak sawit. Usaha-usaha ini sedang dilaksanakan melalui penganjuran seminar, pameran dan lawatan khidmat nasihat teknikal.

**ii. Sokongan kepada projek usahasama Malaysia**

Pada masa ini, terdapat 6 projek usahasama yang beroperasi di Pakistan dan projek-projek tersebut sangat penting dan strategik dalam mengekalkan pegangan pasaran minyak sawit Malaysia di Pakistan. Antara projek-projek tersebut adalah *Mapak Qasim Bulklers, Mapak Edibel Oil Refinery, Liquid Cargo terminal, Mapak Edible Oils / Oil Seed Crushing Plant, Tank Storage Terminal* dan *Bulk Cargo Warehouse* yang merupakan usahasama antara syarikat-syarikat Malaysia (Felda, KLK, IOI) bersama Westbury Group. Kehadiran dan penglibatan syarikat Malaysia di kawasan logistik utama dalam pengendalian satu-satunya jeti kargo cecair, kemudahan penapisan dan penyimpanan fizikal terbesar di negara Pakistan memberikan kelebihan untuk mengekalkan kehadiran minyak sawit Malaysia di pasaran Pakistan. Kerajaan akan terus menyokong projek-projek ini melalui perhubungan antara Kerajaan (*Government to Government – G to G*) dengan penglibatan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam aspek pemasaran serta memperluaskan projek usahasama Malaysia dalam sektor hiliran.

**iii. Pelaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO)**

Pelaksanaan MSPO sebagai langkah menjenamakan minyak sawit Malaysia yang mampan dan berkualiti dalam meningkatkan akses pasaran di Pakistan.

**iv. Meningkatkan daya saing minyak sawit Malaysia di Pakistan.**

Kajian sedang dijalankan untuk mengkaji semula perjanjian perdagangan bebas di antara Pakistan dan Malaysia di bawah *Malaysia Pakistan Closer Economic Partnership Agreement* (MCEPA). Namun perkara ini melibatkan pelbagai pemegang taruh yang lain seperti Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.